

PIAWAIAN PERANCANGAN JPBD 9/97

PIAWAIAN PERANCANGAN

PERANCANGAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK



JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA
SEMENANJUNG MALAYSIA

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia

Cetakan Pertama 1999
Cetakan Kedua 2002
© Hakcipta
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia

Hakcipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara, samada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit terlebih dahulu.

ISBN 983-9396-37-4

KDN : BP/301/22 JLD. 19 SEM/2

Diterbitkan di Malaysia
Oleh
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Malaysia.

Tel : 03-26989211 Fax : 03-26929994

Dicetak oleh:
Misas Advertising
No. 7, Jalan 6/23E,
Taman Danau Kota 53300 Kuala Lumpur.
Tel/Fax No: 03-40242004

Harga : RM20.00

307-12160218
PIA
f
-6 OCT 2003

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB01113460

KATA ALUAN

*Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia*



Perancangan tapak pencawang elektrik adalah merupakan salah satu infrastruktur yang penting dalam perancangan sesuatu kawasan pembangunan perumahan, perindustrian dan perniagaan. Piawaian keluasan tapak pencawang elektrik sedia ada adalah dikira berdasarkan saiz dan fungsi pencawang sahaja. Perkiraan ini kurang menitikberatkan aspek rekabentuk bangunan serta mengakibatkan kacau ganggu dari pencemaran bunyi bising dan pencemaran visual terhadap alam sekitar.

Garis Panduan ini disediakan untuk memberi panduan yang lebih lengkap kepada piawaian sedia ada dan mengambilkira prinsip perancangan dan pembangunan sejagat dari aspek keselamatan dan keindahan. Perancangan tapak pencawang elektrik telah mengambilkira keperluan zon penampakan, anjakan bangunan yang lebih sesuai serta had ketinggian dan keperluan asas dan sokongan lain. Garis Panduan Perancangan Tapak Pencawang Elektrik cetakan kedua ini adalah untuk kegunaan semua pihak terutama sekali Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-Jabatan Teknikal dan Pihak Swasta sebagai panduan dalam menyediakan tapak pencawang elektrik.

Akhir kata saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan kerana telah berjaya menghasilkan Garis Panduan Perancangan Tapak Pencawang Elektrik ini.

DATU' WAN MOHAMAD MUKHTAR B. MOHD. NOOR
(D.P.C.M., D.P.M.T., D.P.M.P., J.S.M., P.M.P., K.M.N., A.M.N.)

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.0	TUJUAN	1
2.0	LATAR BELAKANG	1
3.0	PIAWAIAN SEDIA ADA	2
4.0	PRINSIP PERANCANGAN	2
5.0	GARIS PANDUAN	3
5.1	Lokasi Tapak	3
5.2	Saiz dan Fungsi	3
5.3	Keperluan Anjakan	5
5.4	Rekabentuk bangunan	5
5.5	Had Ketinggian	7
5.6	Jalan Masuk	7
5.7	Sistem Perparitan	7
5.8	Landskap	8
5.9	Kawasan Tadahan	8
5.10	Kawasan Berbukit	8
5.11	Kawasan Cerun dan Curam	9

SENARAI JADUAL

Jadual 1 :	Jenis-jenis Tapak Pencawang Elektrik	4
Jadual 2 :	Keperluan Minimum Tapak Pencawang Elektrik	5

SENARAI RAJAH

Rajah 1 :	Keperluan Penyediaan Zon Penampan	6
Rajah 2 :	Keperluan Anjakan Bangunan	7

GARIS PANDUAN PERANCANGAN TAPAK PENCAWANG ELEKTRIK

1.0 TUJUAN

Tujuan garis panduan ini adalah untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam merancang dan membuat kelulusan perancangan tapak pencawang elektrik di sesuatu kawasan pembangunan.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pembangunan negara yang pesat dibidang perindustrian, perumahan, telekomunikasi, teknologi maklumat dan sebagainya memberi kesan kepada permintaan tenaga elektrik yang tinggi.
- 2.2 Faktor peningkatan terhadap teknologi pembinaan, kepadatan penduduk yang tinggi, harga tanah yang meningkat, teknologi yang semakin canggih dan penjimatan terhadap ruang, kos dan tenaga membawa kepada era baru dalam merekabentuk pencawang elektrik di masa kini dan hadapan;
- 2.3 Di samping itu kesan dari peningkatan dan kepekaan masyarakat terhadap alam sekitar juga memberi faktor penentu kepada pembinaan tapak pencawang elektrik.
- 2.4 Misi korporat Tenaga Nasional Berhad ialah untuk memberi perkhidmatan yang berkesan dan unggul kepada pengguna dan membantu kepada pembentukan garis panduan yang selaras dan sesuai dengan kehendak masyarakat; dan
- 2.5 Selaras dengan keperluan perancangan, penyediaan keperluan asas ini menitikberatkan keselamatan khususnya dan bukan hanya semata-mata keperluan utiliti sahaja. Oleh itu semua pelan susunatur hendaklah mengambilkira tapak pencawang yang diperindahkan dari aspek rekabentuk bangunan dan meminimumkan kacau ganggu dari segi bunyi bising, gegaran dan pemandangan (noise, vibration and visual) serta kesesuaian persekitarannya.